

# Media medium penting tingkat strategi pemasaran

Keunggulan teknologi era globalisasi ini sememangnya banyak membantu serta memudahkan urusan harian termasuk perniagaan mahupun keusahawanan. Media massa adalah medium utama dalam menyalurkan pelbagai maklumat serta dapat mempengaruhi fikiran masyarakat.

## Peranan media massa

Oleh itu, media massa memainkan peranan yang amat penting dalam memantapkan usahawan muda untuk terus berjaya menembusi pasaran dunia.

Umum mengetahui, media massa dapat diklasifikasikan dua kategori iaitu media cetak

dan media elektronik. Media cetak terdiri daripada bahan bertulis iaitu buku, majalah dan akhbar, manakala media elektronik ialah televisyen, ra-

**“  
Usahawan amat memerlukan media massa yang berkesan yang mampu membantu mereka untuk berjaya dalam mencapai matlamat mereka menjadi yang terbaik”**

dio, dan internet.

Oleh itu, dengan adanya kepesatan teknologi ini, usahawan muda mampu mengetengahkan produk yang diusahakan menerusi media massa secara amnya.

## Promosi produk

Peringkat umur bukan penghalang bagi usahawan muda yang baru berjinak-jinak dalam dunia perniagaan. Kebanyakan mereka mengambil langkah bijak dalam memilih media massa sebagai pengan-tara utama kepada masyarakat bagi mempromosikan produk dihasilkan.

Justeru, diakui bahawa media berkembang sekitar 3300 SM ketika bangsa Mesir menyempurnakan huruf hieroglif dan hingga hari ini kemonenan media massa banyak berubah dari semasa ke semasa. Ia juga menjadi wadah penting dalam mewarnai kehidupan terutama kepada

usahawan muda.

## Tingkat kemajuan usahawan

Jelas bahawa media massa berperanan besar dalam meningkatkan kemajuan usahawan. Oleh itu, usahawan amat memerlukan media massa yang berkesan yang mampu membantu mereka untuk berjaya dalam mencapai matlamat mereka menjadi yang terbaik.

Namun, untuk menjajakannya, media memerlukan suasana atau iklim yang sihat dan bebas untuk menyebarkan apa yang perlu. Juga, untuk memainkan peranan yang lebih efektif, media perlukan pendekatan yang lebih menumpu atau fokus untuk memantapkan budaya keusahawanan muda.

**Nur Liyana Saharudin,**  
Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM)